

12 MAR 1999

Mahathir-Anugerah

MAHATHIR LANCAR PROGRAM ANUGERAH MSC

CYBERJAYA, 12 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan satu program anugerah Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dipanggil Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Asia-Pacific MSC (APMITTA).

Program anugerah itu bertujuan menyediakan satu asas bagi pengukuhan dan promosi rangkaian kerja, pemindahan teknologi, inovasi dan latihan dalam industri berkaitan teknologi maklumat dan telekomunikasi.

APMITTA adalah kerjasama antara Asia-Pacific Information Technology yang berpangkalan di Asia dengan Telecommunications Corporation dan Asia Pacific Information Technology Awards (APITA) Malaysia.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga mengumumkan logo anugerah berkenaan dan merasmikan laman webnya.

Terdahulu, Perdana Menteri menghadiri Mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC di Cyberview lodge, di sini.

APMITTA memberikan pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang individu, pelajar dan usahawan, syarikat kecil dan sederhana serta perbadanan yang menyumbang kepada pembangunan MSC.

Sumbangan itu sama ada dalam bentuk pembangunan aplikasi, penyelesaian dan kandungan berkaitan dengan projek aplikasi perdana MAS atau projek yang memberi faedah kepada negara.

Pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata program anugerah itu diwujudkan untuk menggalakkan pembabitan besar-besaran industri yang disokong oleh teknologi maklumat dan komunikasi.

Ini termasuk animasi, pembangunan isi kandungan, pembangunan perisian, pengiklanan pengeluaran dan hiburan, perdagangan elektronik dan penyiaran.

Dr Othman berkata APMITTA akan menyediakan satu peluang unik bagi individu dan syarikat yang terbabit dalam anugerah itu untuk mendapat pendedahan menerusi majlis rasmi, promosi dan publisiti.

Aktiviti itu akan membolehkan anugerah dan pertubuhan yang menyertainya menyediakan peluang bagi eksport produk teknologi maklumat dan telekomunikasi di peringkat antarabangsa, meningkatkan kesedaran IT dan industri telekomunikasi serta menyediakan pengiktirafan bagi pemenang IT dan telekomunikasi.

Majlis APMITTA pertama dijadualkan akan diadakan pada Oktober tahun ini dengan Dr Mahathir sebagai penaungnya.

-- BERNAMA

AD ZK RON